




**KENYATAAN MEDIA
YB MENTERI KERAJAAN TEMPATAN DAN PERUMAHAN
DAN
MENTERI KEWANGAN II
NEGERI SABAH**

5 SEPTEMBER 2022

A LAPORAN HARIAN KES JANGKITAN COVID-19

- 1 Berdasarkan laporan Jabatan Kesihatan Negeri Sabah, jumlah kes positif baharu COVID-19 pada hari ini adalah sebanyak 159 kes, menjadikan jumlah kumulatif sebanyak 390,841.
- 2 Bilangan pesakit COVID-19 sembuh ialah 256 (termasuk yang discaj dari hospital/PKRC) menjadikan jumlah kumulatif 382,414 orang. Manakala 258 pesakit sedang menerima rawatan iaitu 257 orang di hospital dan satu (1) orang di Pusat Kuarantin dan Rawatan Berisiko Rendah (PKRC) awam. Bilangan pesakit yang memerlukan penjagaan kritikal ialah 16 orang di ICU/repurposed kritikal manakala enam (6) orang lagi memerlukan alat bantuan pernafasan (*ventilated*).

3 Kes-kes jangkitan COVID-19 pada hari ini mengikut daerah adalah seperti berikut:



Daerah Kota Marudu bertukar dari zon merah ke zon jingga, Ranau berubah dari zon jingga ke zon merah manakala Nabawan bertukar dari zon jingga ke zon kuning

4 Pecahan daerah mengikut zon:

- Zon Kuning sembilan (9) daerah
- Zon Jingga empat (4) daerah
- Zon Merah 14 daerah

i. Kedudukan Kes Positif COVID-19

- a. Keadaan hari ini tidak banyak berubah dengan kedudukan semalam. Jumlah jangkitan baharu ialah 159 kes berbanding 167 sebelum ini. Penyusutan sebanyak lapan (8) kes berpunca daripada jumlah ujian sampel yang berkurangan.
- b. Jumlah sampel hari ini ialah 1,658 berbanding 1,840 semalam. Kadar positiviti pula ialah 9.65%, tinggi sedikit daripada 9.40% kelmarin.
- c. Lima (5) daerah merekodkan jangkitan baharu dua (2) angka termasuk Ranau dan Tawau yang sebelum ini hanya mencatat satu (1) angka. Ranau kembali ke zon Merah setelah merekodkan 10 kes (+7), dan Tawau juga mencatat jumlah jangkitan baharu yang sama (+1).
- d. Kota Kinabalu mencatat jangkitan tertinggi di Sabah dengan 77 kes (-4), diikuti oleh Penampang dengan 15 kes (+12) dan Tuaran 14 kes (-1). Sandakan yang tidak mencatat sebarang jangkitan baharu kelmarin merekodkan 7 kes baharu. Tenom, Kunak, Pitas dan Kalabakan juga terkeluar daripada daerah-daerah kes sifar dengan jangkitan baharu.
- e. Sembilan (9) daerah tidak mencatat sebarang jangkitan baharu termasuk Putatan yang merekodkan 21 kes semalam. Beaufort, Kuala Penyu dan Sipitang juga kembali 'bersih' daripada jangkitan baharu.
- f. Sebanyak 155 daripada 159 jangkitan hari ini adalah dalam Kategori 1 dan Kategori 2, tiga (3) kes dalam Kategori 4 dan satu (1) kes dalam Kategori 5.

ii. **Perincian Kes COVID-19 Hari Ini**

a. Bilangan kes positif COVID-19 hari ini diperolehi melalui saringan pelbagai kategori seperti yang ditunjukkan jadual di bawah:

Bil.	Kategori Saringan	Bilangan Kes	Peratusan
1	Kluster	0	0.00%
2	Kontak	18	11.32%
3	Bergejala	129	81.13%
4	Bersasar	0	0.00%
5	Lain-lain Saringan	12	7.55%
JUMLAH		159	100%

B.Kes Positif COVID-19 hari ini dengan perbandingan kes semalam (4 September 2022) adalah seperti jadual yang ditunjukkan di bawah:

Bil.	Daerah	Catatan Kes 04/09/2022	Catatan Kes 05/09/2022	Perbandingan
1	Penampang	3	15	+12
2	Ranau	3	10	+7
3	Sandakan	0	7	+7
4	Tenom	0	3	+3
5	Kunak	0	2	+2
6	Pitas	0	2	+2
7	Kalabakan	0	1	+1
8	Kota Marudu	1	2	+1
3	Tawau	9	10	+1
10	Semporna	1	2	+1
11	Kudat	4	4	Mendatar
12	Telupid	0	0	Mendatar
13	Nabawan	0	0	Mendatar
14	Tambunan	0	0	Mendatar
15	Beluran	0	0	Mendatar
16	Tongod	0	0	Mendatar
17	Putatan	21	0	-21
18	Kota Kinabalu	81	77	-4
19	Keningau	7	3	-4
20	Lahad Datu	6	2	-4
21	Kuala Penyu	3	0	-3
22	Kota Belud	4	1	-3
23	Papar	5	3	-2
24	Sipitang	1	0	-1
25	Kinabatangan	2	1	-1
26	Beaufort	1	0	-1
27	Tuaran	15	14	-1
JUMLAH		167	159	-8

6 Tiada **kluster baharu** direkodkan hari ini.

7 Jumlah kapasiti katil 998 unit.

- Hospital 950 unit.
- PKRC (Awam) 20 unit.
- Hospital Swasta 28 Unit

Jumlah peratusan penggunaan katil ialah 25.85%.

B KOMPOSISI KES POSITIF COVID-19 PADA 5 SEPTEMBER 2022

i. Tempatan/Import/Tahanan

Import/Tempatan	
Tempatan	158
Import A (Jangkitan Luar Malaysia)	0
Import B (Jangkitan Luar Sabah)	0
Orang Dalam Tahanan /Banduan	1
Jumlah	159

ii. Kewarganegaraan

Kewarganegaraan	
Malaysia	154
Bukan Malaysia	5
Jumlah	159

iii. Status Vaksinasi

Status Vaksinasi	
Belum Layak Vaksin (Bawah 5)	9
Belum Menerima Vaksin (5-11)	2
Belum Menerima Vaksin (>11 Tahun)	3
Menerima 1 Dos	2
Lengkap 2 Dos	63
Lengkap 2 Dos + Dos Penggalak	80
Jumlah	159

iii. Umur

Umur (Tahun)	
<1	3
1-4	6
5 -11	8
12-17	4
18-29	48
30-39	36
40-49	22
50-59	15
60-69	5
70-79	8
80-89	4
>90	0
Jumlah	159

Sekian.

#SabahMajuJaya

#KeluargaMalaysia

#LindungDiriLindungSemua

YB MENTERI KERAJAAN TEMPATAN DAN PERUMAHAN

DAN

MENTERI KEWANGAN II